

TARIKH	28 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	22	RUANGAN	Seterusnya

Doa suami kembali sihat

PETALING JAYA: "Memang sedih pergi tanpa suami, tapi apakan daya saya tetap meneruskan ibadat haji dan mendoakan kesihatan suami yang kini terlantar lumpuh disebabkan faktor usia dan kesihatannya," kata jemaah, Minah Semai yang ditemui di Kompleks Tabung Haji, Kelana Jaya, di sini, semalam.

Minah, 70, berkata dia terkilan apabila hajat ke Tanah Suci bersama Kasih Iye, 8, tidak termakbul akibat sakit sejak tiga hari lalu.

"Saya sepatutnya ke Makkah dengan suami, tetapi disebabkan keadaan tidak dijangka ini, saya harus reda dan secara jujurnya saya masih gembira walaupun dugaan ini berlaku kerana saya tetap menghadap Illahi.

"Alhamdulillah, saya ditemani anak saudara pada saat-saat akhir," katanya meluahkan kelegaan.

Menurut Minah, dia tidak kecewa kerana suaminya su-



MINAH...syukur

dah mengerjakan haji dan harapannya kini untuk berdoa bagi kesihatan suaminya.

Katanya, tiada apa yang lebih penting selain mendoakan kesihatan keluarga terutama suami yang terlantar sakit.

"Selain mahu mendapat haji mabur, saya akan doakan kesihatannya. Moga dia sembuh," katanya.